

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO'**  
**OTHMAN SAID**  
**[ Pengerang ]**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional kuasa Peguam Negara untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi kesalahan di bawah Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan dijadikan mutlak sehingga tidak ada mana-mana pihak dibenarkan untuk menyemak kuasa tersebut yang sering kali menimbulkan pelbagai reaksi negatif terhadap Kerajaan.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jawatan Peguam Negara ialah suatu jawatan yang diwujudkan melalui Fasal (1) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.
2. Peguam Negara merupakan penasihat undang-undang utama kepada Kerajaan Malaysia. Kedudukan, peranan dan kuasa Peguam Negara adalah sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan. Tambahan daripada itu, Fasal (3) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa budi bicara Peguam Negara untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan selain prosiding di hadapan Mahkamah Syariah, Mahkamah Anak Negeri atau Mahkamah Tentera.
3. Seterusnya, Subseksyen 376(1) Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan bahawa kuasa kawalan dan arahan dalam semua pendakwaan jenayah dan prosiding di bawah Kanun Tatacara Jenayah diberikan kepada Peguam Negara selaku Pendakwa Raya. Fungsi dan kuasa Peguam Negara di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan adalah selaras dengan sistem demokrasi dan doktrin pengasingan kuasa yang diamalkan di Malaysia.
4. Unsur-unsur '*check and balance*' terhadap kuasa budi bicara Peguam Negara telah pun wujud dalam sistem perundangan Malaysia. Sungguhpun kuasa budi bicara untuk memulakan,

menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan itu diletak hak kepada Peguam Negara, namun kuasa ini tidak dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya. Sebagai contoh, keputusan Peguam Negara dalam mengenakan pertuduhan atau tidak terhadap mana-mana orang adalah berdasarkan keterangan dan fakta kejadian, dan bukan atas desakan oleh mana-mana pihak atau apa-apa faktor yang lain. Keputusan tersebut dibuat dengan adil, tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan teras integriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan dengan sewajarnya. Selain itu, kuasa budi bicara ini akan menjamin keputusan Peguam Negara dapat dibuat dengan bebas tanpa '*fear or favour*'. Walaubagaimanapun, kuasa Peguam Negara masih boleh dicabar melalui proses semakan kehakiman (*judicial review*).

5. Peluang untuk mencabar pelaksanaan kuasa tersebut dengan sendirinya meletakkan suatu mekanisme 'kawalan dan imbangan' (*check and balance*). Secara langsung, ia akan memastikan bahawa Peguam Negara dalam melaksanakan kewajipannya akan bertindak menurut lunas undang-undang dan prinsip keadilan.

6. Selain itu, Fasal (2) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan bahawa adalah menjadi kewajipan Peguam Negara untuk antara lain, menasihati Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang, dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang. Nasihat yang diberikan oleh Peguam Negara ini adalah berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang sedang berkuat kuasa serta dengan

mengambil kira maklum balas yang diberikan oleh agensi-agensi yang terlibat.

7. Oleh yang demikian, berdasarkan kuasa dan tanggungjawab yang telah diperuntukkan kepada Peguam Negara, unsur 'check and balance' tersebut telah pun termaktub (*embedded*) dalam undang-undang iaitu Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini diperjelas lagi melalui Fasal (5) dan (6) Perkara 145 yang memperuntukkan bahawa Peguam Negara memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, dan sekiranya beliau bukan merupakan anggota Jemaah Menteri maka saraannya ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong dan beliau tidak boleh dipecat daripada jawatan kecuali atas alasan dan mengikut cara yang sama seperti seorang hakim Mahkamah Persekutuan.

8. Tujuan perkara ini diperuntukkan adalah bagi menjamin Peguam Negara bertindak secara '*impartial*' ataupun bebas (*independent*) dan dalam '*quasi judicial spirit*' dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam menjalankan tugasnya, Lebih-lebih lagi memandangkan Peguam Negara merupakan '*guardian*' kepada '*public interest*'. Sehubungan dengan itu tugas dan tanggungjawab beliau hendaklah dijalankan berdasarkan faktor-faktor yang telah digariskan sama ada semasa menjalankan fungsi sebagai penasihat undang-undang yang utama kepada Kerajaan, sebagai Pendakwa Raya, ataupun semasa menjalankan apa-apa tugas yang bersifat undang-undang yang dirujuk kepada Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri.

9. Oleh itu, adalah jelas bahawa unsur '*check and balance*' berhubung dengan kuasa dan tanggungjawab Peguam Negara sudahpun wujud dalam sistem perundangan Negara.

Sekian, terima kasih.